

# Produktiviti pekerja meningkat

**Produktiviti** buruh di Malaysia mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.7 peratus pada suku keempat 2023 dengan jumlah jam bekerja naik 2.3 peratus bagi mencatatkan 9.4 bilion jam, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah bilangan pekerja menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 2.5 peratus, mencatatkan 16.3 juta orang.

“Dengan dorongan pertumbuhan ekonomi dan pasaran buruh yang stabil, produktiviti buruh yang diukur sebagai nilai ditambah per jam bekerja pada suku tahun keempat 2023 sudah bertambah baik pada 0.7 peratus, mencatatkan RM43.5 jam per jam bekerja pada suku keempat 2023, berbanding RM42.2 per jam pada suku ketiga 2023,” katanya.

Mohd Uzir berkata demikian berdasarkan laporan Statistik Produktiviti Buruh, Suku Keempat 2023, terbitan DOSM, semalam.

Produktiviti buruh seperti dinyatakan sebagai nilai ditambah bagi setiap pekerja mengekalkan pertumbuhan positif dengan dengan peningkatan 0.5 peratus kepada RM25,080 per pekerja.

Dari segi prestasi sektoral produktiviti buruh per jam bekerja, sektor pembinaan memacu prestasi keseluruhan naik 2.6 peratus tahun ke tahun, diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian (1.8 peratus), perkhidmatan (1.5 peratus), pertanian (1.0 peratus), manakala pembuatan turun 2.8 peratus.

BERNAMA